

29 OCT 2000

DR MAHATHIR TIBA DI BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini bagi lawatan dua hari, dan beliau dijadualkan mengadakan perbincangan dengan Sultan Hassanal Bolkiah.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang berlepas dari Hong Kong pagi ini tiba di lapangan terbang antarabangsa Brunei di sini pada pukul 11.45 pagi.

Ketibaan Dr Mahathir dan rombongan di lapangan terbang disambut oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Brunei Datuk Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman Haji Mohamad Taib, yang juga menteri pengiring.

Perdana Menteri dijadualkan menghadiri jamuan makan tengah hari dengan masyarakat Malaysia di sini, dan selepas itu beliau dijadual mengadap Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, di sini.

Kedua-dua pemimpin itu juga akan mengadakan perbincangan sekali lagi pada pukul 8 malam ini, sebelum menghadiri jamuan makan malam yang diadakan oleh pemimpin Brunei itu bagi meraikan Perdana Menteri dan rombongan.

Dr Mahathir dan rombongan dijadualkan berlepas pulang ke tanah air pagi esok.

-- BERNAMA

JS RI